



بُوئْتِينَ بِسْمِ اللّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ إِسْلَامٌ قَلِيسِيَا سِنْدِرَافِقَا

SCAN ME



Laman Beliauang  
myikmas.islam.gov.my

# BULETIN IKMAS JAKIM

مي - اوكتوبر، رمضان - محرم ١٤٤٢ / ١٤٤٣ هجرة

BIL 2/2021



IHYA' RAMADAN DAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN  
BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG TELAGA AIR KUCHING



MAJLIS KHATAM  
AL-QURAN DAN  
ACIHAN KUIH RAYA



KURSUS  
PENGURUSAN  
MASJID



MINGGU ALUAN  
PELAJAR BAHRU  
IKMAS (MALPI)



<https://myikmas.islam.gov.my>



ikmassarawak



myikmas

## Sidang Redaksi

PENASIHAT

**Dr. Muhammad Yamin bin Ismail**

KETUA EDITOR

**Dr. Roziah binti Haji Chek**

SIDANG REDAKSI

**Kartini binti Haji Ahmad**

**Ainuddin bin Haji Dolhakim**

**Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin**

**Mohd Chathazman bin Abdullah**

**Muhammad Fadhlil bin Ahmat**

PENYELARAS

**Shuaib bin Supani**

**Nurul Sabariah binti Saini**

**Muhammad Faizul bin Kanaini**

JURUFOTO

**Irwandy bin Sarkawi**

**Mohd Safwan bin Ismail**

PENCHARGAAN ISTIMEWA

**Pejabat Pengarah**

**Pejabat Pendaftar**

**Bahagian Akademik**

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni**

**Bahagian Kemahiran dan Latihan Daie**

**Bahagian Pembangunan Insan**

**Bahagian Penerbitan**

**Unit Jaminan Kualiti**

SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN

PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGI:

**Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

**Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air**

**93050 Kuching**

**SARAWAK**

(u/p : Bahagian Penerbitan)

Tel : 082-843477, 475

Faks : 082-843440, 439

Email : penerbitanikmas@gmail.com

Jutaan terima kasih kepada Pengarah IKMAS selaku Penasihat buletin yang sentiasa menyokong serta memberi idea bagi melestarikan penerbitan buletin ini. Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada sidang redaksi, pegawai penyelaras buletin, jurugambar serta penyumbang artikel atas komitmen sepenuhnya dalam menjayakan keberadaan buletin pada kali ini. Sesungguhnya penerbitan kali ini sangat bermakna dalam memastikan laluan IKMAS terus rancak walaupun dalam kekangan pandemik COVID-19.

IKMAS dalam menyahut cabaran semasa telah mempersiapkan kaedah dan kepelbagaian program dengan berpusatkan pengajian tinggi Islam serta kemahiran kepada masyarakat setempat bagi memperoleh kesimbangan dunia dan akhirat. Sesungguhnya penerbitan kali ini berintipati dan penuh bersejarah seiring dengan keberkatan dan kemuliaan permulaan tahun Hijrah iaitu bulan Muharram. Begitu juga bulan Zulhijjah sebelumnya yang mana umat Islam telah menunaikan ibadah haji di Baitullah serta menyambut hari kebesaran Islam iaitu 'Eid al-Mubarak. Bersempena bulan-bulan penuh keberkatan ini akan menzhirik banyak kebaikan serta keberhasilan buat IKMAS. IKMAS dalam rangka melebarkan sayap meniti persada Institusi Pendidikan Tinggi Islam unggul di Sarawak wajar mempertingkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan sejarah dengan kehendak serta keperluan semasa. Justeru, penerbitan buletin kali ini memfokuskan kepada kejayaan IKMAS dalam membangunkan program-program pengajian di IKMAS. Begitu juga dalam masa yang sama IKMAS sentiasa proaktif dan peka dalam menjadi wadah keilmuan dalam pelbagai aspek seperti latihan dan kemahiran dalam meningkatkan pembangunan modal insan masyarakat setempat di Sarawak. Hala tuju IKMAS kini semakin rancak dan matang seiring dengan fungsi dan matlamat melalui gerak kerja yang tuntas dan pantas ke arah meningkatkan kualiti, prestasi dan kredibiliti IKMAS secara lebih komprehensif dan global.

Tahniah dan syabas juga kepada warga IKMAS sekalipun masih dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharaan (PKPP) serta melalui beberapa fasa, namun aktiviti serta program yang dirancang berjaya dilaksanakan melalui norma baharu (*new norm*) dengan mengikut *Standard of Procedure (SOP)* secara teratur dan bersistematis. Insyaallah IKMAS sumber inspirasiku akan terus melangkah ke hadapan dalam merealisasikan fungsi dan peranan yang lebih besar iaitu sebagai pusat keilmuan yang unggul dan terbilang di nusantara.

Akhir kalam, jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberi pandangan, idea, buah fikiran, maklumat serta segala bantuan sehingga terhasilnya penerbitan ini. Insyaallah segala sumbangan yang diberikan diterima serta diberikan ganjaran berlipat kali ganda oleh Allah SWT. Semoga IKMAS akan terus mengorak langkah ke hadapan dalam memateri kejayaan demi kelestarian ummah sepanjang zaman.

Sekian, salam maju jaya.

## Isi Kandungan

|   |       |
|---|-------|
| Isi Kandungan ...   | 2     |
| Sidang Redaksi ...  | 2     |
| Kalam Ketua Editor ...  | 2     |
| Tokoh Alumni IKMAS ...  | 3     |
| Majlis Khatam Al-Quran Dan Agihan Kuih Raya...  | 4     |
| Ihya' Ramadan Dan Majlis Khatam Al-Quran Bersama Komuniti Kampung Telaga Air Kuching... | 4     |
| Kursus Penulisan Akademik IKMAS 2021...   | 5     |
| Program Ihya' Ramadan IKMAS Bersama Barisan Frontliner Hospital Umum Sarawak...         | 5     |
| Program Bicara Intelek...   | 6     |
| Minggu Aluan Pelajar Baharu IKMAS 2021 (MALPI)...                                       | 6     |
| Kursus Dakwah Media Sosial Secara Dalam Talian...                                       | 7     |
| Kursus Tahsin Dan Qiraat Siri 2...  | 7     |
| Kursus Pengurusan Dakwah...   | 8     |
| Kursus Pengurusan Masjid...   | 8     |
| Bengkel Semakan Dokumen Program Sijil Pengajian Islam (SPI) MQA01 IPDAS Dan IKMAS...    | 9     |
| Bengkel Pengurusan Kualiti...   | 9     |
| Kursus Halal Dan Sembelihan...  | 10    |
| Kursus Sijil Profesionalisme Imam Negeri Sarawak Tahap Satu Tahun 2021...               | 10    |
| Artikel Staf...   | 11-12 |
| Lensa   | 13-14 |
| Sekalung Tahniah...   | 15    |
| Jom Masuk IKMAS...  | 16    |

## Kalam Ketua Editor

Assalamualaikum w.b.t.  
Alhamdulillah setinggi kesyukuran  
dipanjatkan ke hadrat Ilahi  
kerana dengan izin-Nya jua, maka  
Buletin IKMAS Bil. 2/2021 ini dapat  
diterbitkan.



# Tokoh Alumni IKMAS

**Tuan Haji Mohamad Sidek bin Arsad** merupakan anak jati kelahiran Jemukan, Sadong Jaya Kota Samarahan pada 18 November 1982. Mendirikan rumah tangga bersama **Puan Yanti binti Dollah** yang berasal dari Limbang, lahir pada 8 Disember 1982. Mereka dikurniakan seramai empat orang cahaya mata lelaki dan merupakan **Alumni IKMAS Batch yang Pertama**.

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Kepimpinan, UKM secara PJJ (Graduasi 2012)
- Diploma Pengajian Islam dan Dakwah, IKMAS (2000 - 2003)
- SMK Agama Matang Kuching (1995-1999).
- SRK Jemukan, Sadong Jaya (1989-1994)

## KERJAYA

- Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Siddiq Qurban & Aqeeqah (SQA)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Pengurusan Halal, JAIS Kuching (2019-kini)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Agama Islam Sri Aman (2018-2019)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Agama Islam Bahagian Kota Samarahan (2012-2018)
- Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, PAIB Betong (2004-2012)
- Pekerja Khidmat Singkat (PKS), JAKIM (2003)

## PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN LUAR

- Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2012)
- Guru Pembimbing Ibadah Haji, Majlis Islam Sarawak
- Mutawif, Juara Travel
- Jurunkah
- Penceramah dalam bidang Haji dan Umrah di bahagian-bahagian di seluruh Sarawak
- Ahli Jawatankuasa Tertinggi, Masjid Bahagian Samarahan (2012)



## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Diploma Pengajian Islam Dan Dakwah IKMAS (2000-2003)
- SMK Agama Limbang (1995-1999)
- SRK Melayu Pusat Limbang (1989-1994)

## KERJAYA

- Pengarah Urusan, Syarikat Siddiq Qurban & Aqeeqah (SQA)
- Pembantu Hal Ehwal Islam, Penggerak Masyarakat Saudara Kita (2008- kini)
- Guru Fardu Ain, SK Abang Abdul Kadir Betong (2007-2008)
- Guru Sandaran, SMK Datuk Patinggi Kedit, Betong
- Guru Sandaran, SK Limpaku Pinang, Limbang (2003-2004)

## PENCAPAIAN

- Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2015)



Sesi temubual yang dijalankan secara *online* bersama Tuan Haji Sidek bin Arsad dan Puan Yanti binti Dollah

## HARAPAN DAN IMPIAN UNTUK IKMAS

IKMAS telah melahirkan ramai graduan yang berjaya dan telah mendapat tempat sebagai penjawat sama dalam sektor perkhidmatan awam maupun swasta. IKMAS mempunyai potensi besar untuk maju dan mengorak langkah menjadi sebuah universiti di Sarawak. Semoga IKMAS terus maju dan terus menjadi platform untuk membantu masyarakat Islam. Seterusnya untuk pelajar IKMAS, graduan IKMAS sebenarnya boleh menjadi individu yang layak menceluri pelbagai bidang tetapi haruslah disertai dengan minat dan kepakaran masing-masing. Jika ingin menjadi seseorang yang luar biasa hendaklah berani untuk cuba menceluri bidang agama dengan lebih mendalam kerana bidang agama itu sendiri luas dan bukan terikat dengan satu bidang sahaja.

Selain itu, pelajar IKMAS juga perlu mencari serta meluaskan ilmu pengetahuan secara lebih mendalam berdasarkan minat terhadap bidang tersebut supaya boleh membuka minda pemikiran serta mampu berpandangan lebih jauh dan pelajar IKMAS tidak seharusnya terikat dengan pemikiran apabila tamat belajar di IKMAS para graduan hanya boleh mengatur langkah ke sektor perkhidmatan awam sahaja. Akhir kalam, semoga IKMAS terus maju.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN AGIHAN KUIH RAYA



7 Mei 2021 - Bersempena dengan Majlis Penutupan Program Ihya' Ramadan IKMAS, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA) telah menganjurkan Majlis Khatam al-Quran yang diadakan secara *hybrid* iaitu secara bersemuka dalam kalangan staf IKMAS dan secara dalam talian dalam kalangan pelajar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Khatam al-Quran yang diketuai oleh Saudara Zahir Zakwan bin Zaharudin, pelajar semester 6, Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Seterusnya, majlis diteruskan dengan ucapan amanat oleh YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS. Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah dan Ketua-Ketua Bahagian IKMAS.

Akhir sekali, majlis diserikan dengan penyampaian kuih raya dan duit raya daripada Kelab IKMAS kepada semua warga IKMAS. Semoga Allah SWT memberikan kita semua pemahaman serta penghayatan sebenar dalam beragama.



## IHYA' RAMADAN DAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG TELAGA AIR KUCHING

4 Mei 2021 - Program Ihya' Ramadan IKMAS dan Majlis Khatam al-Quran anjuran Bahagian Pembangunan Insan, IKMAS diteruskan bersama komuniti penduduk Kampung Telaga Air, Kuching.

Antara pengisian utama program adalah bacaan Doa Majlis Khatam Al-Quran yang diketuai oleh al-Fadhil Ustaz Mohd Kamal Khairi bin Che Awang bersama para peserta tadarus yang terdiri daripada penduduk kampung dan para pegawai IKMAS. Sesi agihan juadah berbuka puasa juga turut diedarkan selepas selesai majlis tersebut kepada penduduk kampung setempat oleh para pegawai IKMAS yang diketuai oleh Pengarah IKMAS, YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail dan Ketua Kampung Telaga Air, Encik Zaini bin Tanggek.

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk mengagungkan dan meneruskan sunnah junjungan besar Nabi Muhammad SAW meraih keutamaan dan kebaikan yang berlipat ganda ganjaran dalam bulan Ramadan serta sebagai wadah pertemuan dan perbincangan dalam mengeratkan ukhuwah bersama komuniti, khususnya di Kampung Telaga Air.

Moga-moga bulan Ramadan menjadi bulan *madrasah tarbiyah ruhiyyah wa jasadiyyah* dalam mendidik diri menjadi seorang mukmin sejati dan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT.



# KURSUS PENULISAN AKADEMIK IKMAS 2021



25 Jun 2021 - Dalam meningkatkan kompetensi penulisan dalam kalangan pensyarah dan pelajar IKMAS, Bahagian Penerbitan telah menganjurkan Kursus Penulisan Akademik IKMAS tahun 2021, yang berlangsung secara dalam talian. Kursus ini disertai seramai 25 orang peserta. Antara objektif kursus ialah memberikan pendedahan kepada para peserta tentang format penulisan tugas-tugas kertas kerja dalam bidang Pengajian Islam dan membuat pemurnian serta penyelarasan dalam menentukan format dan kaedah terbaik yang diguna pakai di IKMAS.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Bahagian Penerbitan, YBrs. Dr. Roziah binti Haji Chek. Seterusnya, sesi ceramah telah dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu YBrs. Dr. Nazirah binti Hamdan, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Samarahan, Sarawak. Turut dibincangkan di sepanjang kursus ialah format dan gaya penulisan tugas, gaya penulisan ayat al-Quran dan Hadis, kaedah menulis rujukan, dan sebagainya.

Semoga kursus ini dapat memberikan pencerahan dalam rangka menampilkan penulisan yang terbaik untuk pensyarah dan pelajar. Penulisan yang berkualiti akan memberi impak kepada IKMAS dalam jangka masa panjang.

## PROGRAM IHYA' RAMADAN IKMAS BERSAMA BARISAN *FRONTLINER* HOSPITAL UMUM SARAWAK

1 Mei 2021 - Program Ihya' Ramadan anjuran Bahagian Pembangunan Insan, IKMAS edisi kali ini adalah bersama komuniti *Frontliner* Hospital Umum Sarawak, Kuching yang merupakan antara lokasi pilihan bagi program Ihya' Ramadan tahun ini.

Antara pengisian program adalah agihan juadah berbuka puasa kepada barisan *frontliner*, ceramah ringkas Ramadan sebelum solat Isyak yang disampaikan oleh pegawai IKMAS, al-Fadhil Ustaz Abdul Rahim bin Othman, dan Solat Isyak dan Tarawih bersama kakitangan Hospital Umum Sarawak. Program ini diserikan lagi dengan kehadiran YBrs. Pengarah IKMAS, Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, dan Dr. Hj. Nik Azim bin Nik Abdullah.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah sebagai wadah pertemuan dan perbincangan dalam mengeratkan ukhuwah bersama agensi-agensi luar, mengintegrasikan rawatan dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani sebagaimana idea pelaksanaan Hospital Mesra Ibadah (HMI) yang diuarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Di samping meriah banyak kebaikan dan keutamaan dalam beribadat di bulan Ramadhan al-Mubarak.

Semoga bulan Ramadan ini menjadi bulan *madrasah tarbiyah ruhiyyah wa jasadiyyah* dalam mendidik diri menjadi seorang mukmin sejati dan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT agar diri menjadi hamba yang direhui serta selamat di dunia dan akhirat.




# PROGRAM BICARA INTELEK

4 Jun 2021 - Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni IKMAS menganjurkan program Bicara Intelek COVID-19: "Musibah dan Muhasabah". Program diadakan adalah melalui media sosial rasmi IKMAS.

Pada kali ini, program tersebut menjemput Ketua Unit Kesihatan Awam Hospital Sultan Ismail Johor Bahru, YBhg. Dr. Abdul Hazim A. Gafa.

Antara isu dan topik perbincangan ialah berkenaan 'Pandemik COVID-19,' 'Kenapa COVID-19 berbahaya', 'Punca kenaikan statistik COVID-19 di negara kita', dan Peranan pelajar dalam mengekang penularan COVID-19. Penglibatan pelajar pada kali ini amat memberangsangkan walaupun berlangsung melalui dalam talian. Banyak isu dan topik dapat dikupaskan oleh ahli panel dan sesuai dengan keperluan semasa.

Semoga perkongsian ilmu ini berterusan dan dapat diamalkan agar pelajar IKMAS dapat meningkatkan pengetahuan diri dalam menghadapi kehidupan penuh mencabar khususnya dalam situasi pandemik COVID-19 ini.



## MINGGU ALUAN PELAJAR BAHARU IKMAS 2021 (MALPI)

26 Julai 2021 - MALPI 2021 telah berjaya dianjurkan secara dalam talian bermula 23 Julai sehingga 25 Julai 2021.

Seramai 60 orang pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) dan tujuh orang pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (DTQ) telah berjaya dalam temuduga pengambilan pelajar baharu dan telah mendaftar sebagai pelajar IKMAS pada sesi kali ini.

Program ini diadakan bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pelajar baharu berkaitan dengan IKMAS dan suasana pembelajaran di institusi.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang MALPI 2021 ialah sesi pendaftaran, *taaruf*, taklimat Bahagian IKMAS, inspirasi bersama alumni IKMAS dan majlis penutupan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pelajar baharu IKMAS. Semoga terus kekal bersemangat meneruskan pengajian dalam norma baharu.

# KURSUS DAKWAH MEDIA SOSIAL SECARA DALAM TALIAN

11 Jun 2021 - Cawangan Sains Dakwah dan Komuniti (CSDK), Bahagian Pembangunan Insan (BPI), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), telah mengadakan Kursus Dakwah Media Sosial secara dalam talian yang berlangsung selama dua hari iaitu bermula pada 10 hingga 11 Jun 2021. Penceramah jemputan ialah Tuan Hj. Syahrul Nizam bin Junaini daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Beliau mempunyai kepakaran dan pengalaman yang amat luas dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Kursus ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta. Seramai 242 orang peserta kursus terdiri daripada penjawat awam di sekitar Kuching, Lundu dan Samarahan terutama dalam kalangan guru-guru KAFA, pelajar-pelajar IKMAS dan kakitangan IKMAS. Pengisian kursus termasuklah kaedah menggali maklumat melalui *Google News and Trends*, mempersembahkan maklumat (*Flourish Studio*), membuat reka bentuk infografik (*Venngage*), produksi video mudah (*Flexclip*) dan memperkasa kredibiliti media sosial (*LinkedIn*).

Objektif kursus ialah untuk memberi pengetahuan mendalam dan kefahaman mengenai konsep, prinsip-prinsip dan amalan penyebaran maklumat, meningkatkan kemahiran dalam menggunakan pelbagai sumber dan perkhidmatan berdasarkan teknologi maklumat dan multimedia sebagai media dakwah, dan memupuk kesedaran kepada keperluan melaksanakan satu anjakan paradigma dan reformasi dalam kaedah penyampaian ajaran Islam sesuai dengan tuntutan teknologi hari ini.

Semoga dengan penganjuran kursus ini dapat memberikan kefahaman dan kemahiran yang mantap dalam melahirkan *dai'e* yang cekap dalam mengendalikan dan menggunakan teknologi maklumat di medan dakwah masing-masing.




4 Jun 2021 - Bahagian Pembangunan Insan, IKMAS telah menganjurkan Kursus Tahsin dan Qiraat Siri II secara dalam talian sebagai khidmat bakti IKMAS kepada masyarakat Malaysia khususnya masyarakat di Negeri Sarawak. Di atas permintaan yang amat menggalakkan dalam kalangan masyarakat setempat maka kursus ini akan diadakan dalam beberapa siri. Sebagai langkah pencegahan dalam menangani penularan COVID-19, maka kursus ini diadakan secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*. Seramai 67 orang peserta telah mengikuti kursus ini yang terdiri dari kalangan penjawat awam, guru-guru KAFA dan masyarakat awam.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Qur'an dan mengajarnya". (Riwayat al-Bukhari) Antara objektif kursus ini ialah untuk meningkatkan kemahiran pembacaan al-Quran, memupuk kesedaran umat Islam ke arah memahami pengajaran daripada al-Quran dan seterusnya membudayakan al-Quran dalam kehidupan dan melahirkan individu muslim yang berilmu, beriman dan bertaqwa.

Pengisian di sepanjang kursus ini termasuklah menerangkan Adab Pelajar dan Guru Al-Quran, Pengenalan Asas Ilmu Tajwid, Ahkam Tajwid, Memperbetulkan Bacaan Surah al-Fatiyah dan Kesalahan-Kesalahan dalam Bacaan al-Quran. Para penceramah jemputan adalah Ustaz Muhd Syafiq bin Sabri, Imam 1 Masjid Darul Hana Patingan, Ustazah Nur Syakura binti Mohd Musa, Penyelia Guru al-Quran Majlis Islam Sarawak dan Ustazah Ellyana Nazima binti Razali, Pegawai Hal Ehwal Islam JAIS.

Diharapkan daripada penganjuran kursus ini, dapat memberi manfaat kepada semua peserta yang mengikutinya serta dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

## KURSUS TAHSIN DAN QIRAAT SIRI 2



# KURSUS PENGURUSAN DAKWAH



Ustaz Hasfa Bakry bin Hassan



Ustazah Siti Nur Hidayah binti Kusnin



Ustaz Muhammad Azri Izzat bin Rasidi

8 Julai 2021 - Cawangan Sains Dakwah dan Komuniti (CSDK), Bahagian Pembangunan Insan (BPI), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Dakwah selama dua hari bermula pada 7 hingga 8 Julai 2021. Seramai 261 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam, pegawai dan kakitangan IKMAS telah hadir mengikuti kursus secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta tentang pengurusan dan pentadbiran Islam dan peranan serta tanggungjawab pemimpin, menerapkan ciri-ciri personaliti pendakwah terhadap peserta dan meningkatkan kefahaman tentang organisasi dakwah di Malaysia.

Antara barisan penceramah jemputan ialah Ustaz Muhammad Azri Izzat bin Rasidi, Guru SMK Hajjah Laila Taib, Kota Samarahan, Ustaz Hasfa Bakry bin Hassan, Ketua Cawangan Agama, Ibu Pejabat Polis Kontinen Sarawak, Ustazah Siti Nur Hidayah binti Kusnin, Penolong Pengarah Kanan IKMAS dan Ustazah Farah Wahidah binti Pilep, Pensyarah IKMAS.

Semoga kursus ini dapat memberikan ilmu pengetahuan, kefahaman yang mendalam serta bermanfaat kepada para peserta dalam mendepani cabaran dalam pengurusan dan pentadbiran Islam, mempersiapkan diri dan memantapkan personaliti sebagai dai'e dan pemimpin yang serba boleh pada masa kini.

# KURSUS PENGURUSAN MASJID

24 Jun 2021 - Bahagian Pembangunan Insan IKMAS dengan kerjasama Bahagian Kemajuan Institusi Masjid JAIS menganjurkan Kursus Pengurusan Masjid menerusi aplikasi *Google Meet*. Kursus ini diadakan selama dua hari bermula 23 Jun hingga 24 Jun 2021 dan dihadiri 73 orang peserta. Kebanyakan peserta adalah terdiri daripada ahli jawatankuasa masjid dan surau di bahagian-bahagian di seluruh negeri.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Hanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid Allah itu ialah orang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat yang tersebut) maka diharapkan mereka menjadi golongan yang mendapat petunjuk." (At-Taubah: 18)

Objektif kursus ini diadakan ialah untuk meningkatkan kemahiran pengurusan masjid, memupuk kesedaran umat Islam dalam kelebihan mengimarah masjid dan melahirkan masyarakat Islam berilmu, beriman dan bertakwa.

Selain itu, beberapa orang penceramah turut dijemput untuk berkongsi ilmu iaitu Ketua Bahagian Kemajuan Institusi Islam JAIS, Ustaz Khalipah bin Juli, Pegawai Agama Islam Bahagian Betong, Ustaz Mohd Isselahuddin bin Kameri, Ketua Unit Audit Majlis Islam Sarawak, Encik Mohamad Aslan bin Mohamed dan Pengurus JKP Masjid an-Nur Sibu, Encik Latiff bin Coupun.

Semoga kursus ini memberi manfaat kepada semua peserta terutama melaksanakan amanah sebagai ahli jawatankuasa masjid.



Ustaz Khalipah bin Juli



Ustaz Mohd Isselahuddin bin Kemerli



Encik Mohamad Aslan bin Mohamed



Encik Latiff bin Coupun

# BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM (SPI) MQA01 IPDAS DAN IKMAS


6 Jun 2021 - Unit Jaminan Kualiti (UJK), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) bersama Bahagian Dasar dan Kemajuan Islam (BDKI), JAKIM telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Maklumbalas Dokumen Permohonan Akreditasi Sementara (MQA01) bagi program Sijil Pengajian Islam (SPI) IKMAS dan IPDAS secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Seramai 20 orang pegawai dan kakitangan IKMAS telah hadir. Panel penasihat jemputan bagi bengkel ini ialah Prof Madya Dr. Ermy Azziaty binti Rozali, Timbalan Pengarah Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Kebangsaan Malaysia. Turut hadir bersama ialah Pengarah BDKI, Pengarah IPDAS dan Pengarah IKMAS.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi bimbingan dan panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam menjawab maklumbalas yang dikemukakan, sebagai *platform* kepada PPT untuk menyediakan maklumbalas dalam masa yang ditetapkan dan menyediakan maklumbalas yang menepati dengan kehendak soalan dan cadangan.

Input dan maklumbalas daripada panel yang mempunyai pengalaman profesional dalam bidang kualiti amat diperlukan bagi menjamin kualiti dan kelestarian program akademik agar relevan dengan keperluan semasa. Semoga IKMAS berjaya dalam permohonan memperoleh Akreditasi bagi Sijil Pengajian Islam (SPI), IKMAS.



# BENGKEL PENGURUSAN KUALITI



27 Julai 2021 - Unit Jaminan Kualiti (UJK) IKMAS telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Kualiti secara dalam talian yang turut dihadiri oleh enam orang pegawai kualiti dari setiap bahagian di IKMAS. Sebanyak dua sesi telah disampaikan oleh Puan Siti Nur Hidayah binti Kusnin dan Puan Siti Rohayu binti Md Saad masing-masing dari Unit Jaminan Kualiti, IKMAS.

Objektif bengkel adalah sebagai pendedahan awal mengenai pengurusan kualiti IKMAS yang bersumberkan kepada keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan juga ISO SIRIM. Sejajar dengan hasrat menjadikan IKMAS sebagai Pusat Pemberi Pendidikan (PPT) berimpak tinggi, pasukan kualiti yang ditubuhkan akan berperanan sebagai pemacu institusi ini ke arah pensijilan MS ISO 9001: 2015 pada masa akan datang.

Antara tugas umum pasukan kualiti ini adalah menyelaras dan memantau skop pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti IKMAS, menjadi sumber rujukan kualiti akademik dan sokongan akademik IKMAS, menerapkan nilai-nilai kualiti kepada semua warga kerja IKMAS dan menerapkan penghayatan dan pemahaman Sistem Pengurusan Kualiti dari aspek Misi, Visi, Dasar, Objektif, *brand business*, *vision* dan *values* serta Piagam Pelanggan IKMAS.

# KURSUS HALAL DAN SEMBELIHAN

23 Julai 2021 - Cawangan Sains Dakwah dan Komuniti (CSDK), Bahagian Pembangunan Insan (BPI) dengan kerjasama Bahagian Kemahiran dan Latihan Da'ie (BKLD) IKMAS telah menganjurkan Kursus Halal dan Sembelihan pada 23 Julai 2021 secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*.

Antara objektif program ini ialah memberikan pendedahan kepada para peserta tentang asas pengenalan makanan dan minuman halal dan haram dalam Islam, memahami tentang kaedah penyembelihan haiwan korban serta mengetahui isu-isu semasa berkaitan industri halal masa kini.

Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 53 orang peserta yang terdiri daripada pelajar Semester 5, Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) IKMAS. Antara penceramah jemputan yang telah sudi berkongsi ilmu dan pengalaman dalam kursus ini ialah Ustaz Hj. Mohamad bin Hj. Sanosi, Ketua Unit Pengurusan Halal, Pejabat Agama Islam Bahagian Samarahan dan Ustaz Mohd. Taqiuddin bin Arosdiee, Pensyarah IKMAS.

Semoga kursus ini akan dapat memberikan ilmu pengetahuan, pengalaman dan kefahaman yang mendalam kepada para peserta dalam memahami persoalan dan isu-isu berkaitan sembelihan haiwan korban.



3 Ogos 2021 – Bahagian Pembangunan Insan (BPI) IKMAS dengan kerjasama Jabatan Agama Islam (JAIS), Bahagian Kemajuan Institusi Masjid menganjurkan kursus Sijil Profesionalisme Imam Negeri Sarawak (SPINS) Tahap Satu.

Anjuran kursus ini dilakukan menerusi dalam talian sebagai khidmat bakti IKMAS kepada masyarakat Sarawak. Seramai 34 orang peserta mengikuti kursus ini yang terdiri daripada imam masjid dan surau dari seluruh Negeri Sarawak. Antara objektif kursus ini ialah memberi pendedahan kepada imam yang terpilih untuk mengikuti pengajian secara formal dalam meningkatkan profesionalisme usaha bersepada JAIS dan IKMAS dalam melahirkan imam berkualiti, memberi kefahaman kepada imam berkaitan tugas dan peranan imam dan memberi kemahiran khusus untuk diaplikasikan kepada masyarakat.

Selain itu, beberapa penerapan kursus tahap satu seperti menerangkan konsep profesionalisme imam, membina personaliti dan keyakinan imam berkualiti, penjelasan akidah Ahli al-Sunnah Wa al-Jama'ah, menyampaikan khutbah serta pengucapan awam berkesan dan komunikasi berkesan dan pengenalan Khidmat Islam Sarawak (KISWA).

## KURSUS SIJIL PROFESIONALISME IMAM NEGERI SARAWAK TAHAP SATU TAHUN 2021

Antara penceramah jemputan ialah Sahibul Fadhilah Datuk Mustapha Kamal Ahmad Fauzi, Imam Besar Sarawak, Ustaz Khalipah bin Juli, Ketua Bahagian Kemajuan Institusi Masjid, Ustaz Mohd Isselahuddin bin Kameri, Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Betong dan Ustazah Ainul Nadzifah binti Mohd Ali, Pensyarah IKMAS.

Semoga penganjuran kursus ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta serta mengaplikasikan ilmu dalam melaksanakan amanah sebagai imam.





**Ustazah Noor Azlina binti Noor Din  
Pensyarah IKMAS**

## لغة الفصل

اللغة العربية لغة أجنبية بالنسبة للماليزيين ولغة دينية بالنسبة للمسلمين، فغير اللغة العربية لغتهم الثانية، وهي اللغة الثانية التي يجرب تدريسها إجبارياً في بعض المؤسسات التعليمية الإسلامية مثل IKMAS. في تعليم اللغة الثانية، الهدف الأساسي فيه أن يستخدم المعلم أكثر من الممكن الكلام بها، فالتربيـة في العصور القديمة تنظر بأن اللغة مادة دراسية، فنشـأ عن ذلك مناهج تحوي على مجموعة من مـن اللغة التي يحفظها التلامـيد وهي ألفاظ غـيرـية لا يستعملـوها في إنشـائهم وحيـاتهم اليومـية، وأصبحـت العـادة من درسـ اللغة الإمامـ بمـقدراتـ كثـيرة وحفظـ المصـطلـحـاتـ المـخـتلفـاتـ. والـترـبـيـةـ الـحـدـيـةـ تـنـظـرـ إـلـىـ أـنـ الـلـغـةـ هـيـ وـسـيـلـةـ لـتـقـاـمـهـ بـيـنـ الـأـفـرـادـ وـلـاـ بـدـ أـنـ يـسـتـعـمـلـهـاـ فيـ حـيـاتـهـ (عبد العـلـيمـ إـبرـاهـيمـ، 2007). فـاسـانـةـ اللـغـةـ الـعـرـبـةـ فـيـ الـقـرـنـ 21ـ يـأـكـلـونـ بـالـفـكـرـةـ "ـلـغـةـ الـفـصـلـ"ـ لـرـاعـيـاـهـ هـذـهـ الـعـاـيـةـ بـتـفـيـذـهـاـ فـيـ فـصـوـطـ.

هـذـاـ المـقـاـلـ يـبـاقـيـ الـقـضـيـاـ الـمـتـعـلـقـ بـلـغـةـ الـفـصـلـ بـلـغـةـ الـجـامـعـةـ خـصـوـصـاـ فـيـ IKMASـ. وـهـذـاـ يـفـقـدـ ماـ قـالـ الـبـاحـثـ بـأـنـ الـلـغـةـ الـفـصـلـ هـيـ وـسـيـلـةـ مـهـمـةـ فـيـ تـعـلـيمـ الـلـغـةـ الـعـرـبـةـ، قـالـ مـحـمـدـ زـيـادـ وـمـسـيقـ (2017)ـ بـأـنـ الـلـغـةـ الـفـصـلـ قـاـدـعـةـ فـعـالـةـ فـيـ إـعـدـادـ الـبـيـةـ الـاـتـصـالـيـةـ لـلـطـلـابـ. مـنـ نـتـائـجـ بـخـلـهـمـاـ يـوـجـدـ سـبـعـةـ أـنـوـاعـ لـغـةـ الـفـصـلـ الـمـسـتـعـمـلـةـ فـيـ الـفـصـلـ وـهـيـ التـحـبـةـ وـالـسـلـامـ وـالـلـدـحـ وـالـنـهـيـ وـالـنـفـيـ وـالـأـمـرـ وـالـطـلـبـ. فـهـذـهـ الـتـرـاكـيـبـ كـلـهـاـ تـعـلـقـ بـحـيـاتـ الطـالـبـ الـبـوـمـيـةـ دـاخـلـ الـفـصـلـ وـخـارـجـهـ، وـبـالـتـالـيـ فـلـاجـمـاـ تـشـجـعـ عـلـىـ الـاسـتـخـدـامـ الـكـامـلـ لـلـغـةـ الـعـرـبـةـ أـنـاءـ الـخـصـصـ. وـيـدـوـ أـنـ هـاـ تـأـثـيرـ إـيجـابـيـ عـلـىـ مـهـارـاتـ الـاسـتـمـاعـ وـالـكـلامـ حـتـىـ يـسـمـكـ الـطـلـابـ مـنـ فـهـمـ مـاـ قـوـلـهـ الـمـعـلـمـ.

ماـ هـيـ لـغـةـ الـفـصـلـ؟ـ لـغـةـ الـفـصـلـ هـيـ لـغـةـ سـهـلـةـ وـقـصـرـةـ مـسـتـعـمـلـةـ فـيـ الـفـصـلـ بـيـنـ الـمـعـلـمـ وـالـطـلـابـ مـنـ أـحـلـ إـرـشـادـ عـمـلـيـةـ الـتـعـلـيمـ وـالـتـعـلـمـ. وـهـذـاـ الـمـصـطـلـاحـ لـيـسـ أـمـراـ جـدـيـداـ فـيـ مـحـالـ تـعـلـيمـ الـلـغـةـ الـعـرـبـةـ. الـمـؤـسـسـةـ الـتـعـلـيمـيـةـ لـلـمـعـلـمـيـ تـنـقـلـ بـأـنـهـ التـعـبـرـ الـمـسـتـعـمـلـ بـيـومـيـ فـيـ الـفـصـلـ عـنـ عـلـيـةـ الـتـعـلـيمـ وـالـتـعـلـمـ. وـتـعـدـ مـنـ بـيـةـ الـتـعـلـيمـ الـمـخـاطـلـ. لـغـةـ الـفـصـلـ حـسـبـ الـمـعـهـدـ لـتـعـلـيمـ الـمـعـلـمـيـنـ الـمـالـيـزـيـ (IPG)ـ هـيـ الـكـلـمـاتـ أـوـ الـعـبـارـاتـ السـهـلـةـ الـمـقـوـلـةـ الـعـادـيـةـ الـفـعـالـةـ الـيـ سـتـخـدـمـهـاـ كـلـ مـعـلـمـ مـنـ خـالـلـ عـلـيـةـ الـتـعـلـيمـ وـالـتـعـلـمـ. وـيـجـبـ أـنـ تـكـوـنـ مـنـاسـيـةـ لـمـسـوـيـ الـمـعـلـمـيـنـ فـلـاـ تـكـوـنـ مـعـقـدـةـ صـعـبةـ وـلـاـ سـهـلـةـ بـسـيـطـةـ.

وـيـطـبـيـعـ الـحـالـ أـنـ الـهـدـفـ مـنـ هـذـهـ الـلـغـةـ الـفـصـلـ هـوـ تـطـوـرـ تـعـلـيمـ الـلـغـةـ الـعـرـبـةـ. فـإـذـاـ كـانـ الـمـعـلـمـ يـسـتـخـدـمـهـاـ عـنـ الـخـصـصـ، فـهـيـ تـبـعـ الفـرـصـةـ لـدـىـ الـطـلـيـلـ لـمـارـسـةـ الـكـلامـ الـعـرـبـةـ معـ أـصـدـقـائـهـ وـلـتـبـيـعـ عـنـ أـشـطـهـمـ الـيـوـمـيـةـ فـيـ الـفـصـلـ فـمـاـ يـوـدـيـ إـلـىـ تـعـزـيزـ عـلـيـةـ الـتـعـلـيمـ وـالـتـعـلـمـ. وـتـحـدـفـ أـيـضاـ إـلـىـ تـعـلـبـ عـلـىـ صـعـوبـةـ الـطـلـيـلـ فـيـ إـصـدـارـ الصـوتـ الـلـازـمـ لـلـكـلامـ بـطـرـيـقـ صـحـيـحةـ. وـهـذـاـ يـرـيلـ مـاـ لـدـيـهـمـ مـنـ خـوـفـ وـقـنـقـ وـتـرـدـ وـيـسـيـ لـقـتـهـمـ بـأـقـسـمـهـمـ حـيـنـ اـسـتـخـدـمـهـاـ كـلـ مـعـلـمـ مـنـ خـالـلـ عـلـيـةـ الـتـعـلـيمـ وـالـتـعـلـمـ. وـيـجـبـ أـنـ تـكـوـنـ مـنـاسـيـةـ لـمـسـوـيـ الـلـغـةـ الـعـرـبـةـ حـيـثـ يـسـتـقـيمـ لـفـظـهـمـ وـيـخـسـنـ ذـاـكـرـهـمـ الـمـعـوـيـةـ. وـلـاـ شـكـ أـنـ هـاـ أـيـضاـ وـظـيـفـةـ إـيـدـائـيـةـ فـيـ تـعـمـيـلـ مـدـىـ اـهـتـمـامـ الـطـلـابـ بـالـتـوـاصـلـ بـالـلـغـةـ الـعـرـبـةـ.

كـمـاـ تـحـدـثـنـاـ فـيـ الـفـرـقـةـ السـاـبـقـةـ، وـلـقـدـ أـدـتـ لـغـةـ الـفـصـلـ إـلـىـ الشـائـرـ إـيجـابـيـ لـلـطـلـيـلـ. بـنـاءـ عـلـىـ خـيـرـتـاـ الـقـلـيلـةـ فـيـ تـعـلـيمـ الـلـغـةـ الـعـرـبـةـ، وـجـدـنـاـ أـنـ الـطـلـيـلـ يـمـتـعـنـ بـخـفـطـهـاـ وـيـجـبـونـ الـكـلامـ بـمـاـ لـأـنـ لـغـتـهـ سـهـلـةـ وـبـسـيـطـةـ. فـيـمـكـنـ القـولـ أـنـ هـذـاـ هـوـ اـخـاـلـةـ الـجـيـدةـ لـعـلاـجـ صـعـوبـاتـ الـكـلامـ الـعـرـبـةـ. وـهـذـاـ مـحـصـولـ مـنـ اـسـتـخـدـمـهـاـ لـغـةـ الـفـصـلـ عـنـ عـلـيـةـ الـتـعـلـيمـ. وـالـمـعـلـمـ يـسـتـخـدـمـ النـمـاذـجـ وـالـأـمـثلـةـ فـيـ الـكـلامـ الـعـرـبـةـ وـيـطـلـبـ مـنـ الـطـلـيـلـ كـمـيـ يـسـتـخـدـمـهـاـ الـتـلـاـمـيـدـ فـيـ كـلـامـهـمـ عـنـ الـخـصـصـ.

وـيـنـضـجـ أـنـ الـلـغـةـ الـفـصـلـ هـيـ طـرـيـقـ فـعـالـةـ الـيـ تـحـقـقـتـ نـجـاحـاـ فـيـ تـدـرـيـسـ وـتـطـوـرـ مـهـارـاتـ الـاسـتـمـاعـ وـالـكـلامـ لـدـىـ الـطـلـابـ. وـنـرـىـ أـنـ تـعـلـمـ الـلـغـةـ الـجـدـيـدةـ لـاـ يـعـتـاجـ إـلـىـ حـفـظـ الـكـلـمـاتـ أـوـ الـقـوـاعـدـ فـحـسـبـ، بـلـ هـيـ عـبـارـةـ عـنـ مـجـمـوعـةـ مـهـارـاتـ الـيـ يـجـبـ تـعـلـمـهـاـ فـيـ آـنـ وـاـحـدـ بـشـكـلـ مـنـظـمـ. وـأـفـضـلـ طـرـقـ تـعـلـمـ الـلـغـةـ هـيـ الـمـارـسـةـ وـالـتـعـلـمـ مـنـ خـالـلـ لـغـةـ الـفـصـلـ تـسـاعـدـ فـيـ مـعـرـفـةـ الـتـعـابـرـ وـالـمـصـطـلـحـاتـ الـيـ يـسـتـخـدـمـهـاـ الـتـلـاـمـيـدـ.

### قـائـمـةـ الـمـرـاجـعـ:

1. بيـتـيـ دـيـوـيـ فـرـايـريـ (2015م)، فـعـالـيـةـ اـسـتـخـدـمـ طـرـيـقـ السـبـعـةـ الـشـفـهـيـةـ فـيـ تـعـلـيمـ مـهـارـةـ الـكـلامـ، جـاـواـ الشـرـقـيـةـ: قـسـمـ تـعـلـيمـ الـلـغـةـ الـعـرـبـةـ كـلـيـةـ الـدـرـاسـاتـ الـعـلـيـاـ جـاـءـةـ مـوـلـانـاـ مـالـكـ إـبـرـاهـيمـ إـلـيـسـيـ الـمـسـيـ الـلـغـةـ الـعـرـبـةـ. (2007م). الـقـاـفـهـ: دـارـ الـعـارـفـ.
3. Mohamad Ziyad & Saini Ag. Damit. (2017). Amalan penggunaan Lughat al-Fasl dalam kalangan guru bahasa Arab. Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015), 297-305.
4. Yaakob Hasan, Mohd Ziyad Mukhtar, Md Noor Hussin, Idris Hamdi Mohd Reduan, (2018), Amalan Penggunaan Lughat al-Fasl dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Malaysia. International Research Management & Innovation Conference (5th Irmic 2018).



Ustaz Shuhaiib bin Supani  
Pensyarah IKMAS

## KEPENTINGAN MENTAATI PEMIMPIN

Taat bermaksud mengikut perintah orang yang wajib diikuti perintahnya. Dengan taat maka sempurnalah peraturan-peraturan dan berbahagialah sesuatu pergaulan. Taat merupakan tanda ikhlas dan kasih. Oleh itu, taat adalah tanda orang Mukmin yang beriman dan bekalan bagi orang Islam. Kita dituntut untuk wajib taat kepada Allah SWT, Rasul dan pemerintah. Seterusnya, kedua ibubapa, dan kepada guru-guru iaitu para ulama dan pendidik.

Ahli *al-Sunnah wa al-Jama'ah* berpendapat bahawa pemerintahan ialah wajib ada, mutlak, yakni Imam (Pemerintah) yang bertugas untuk memperbaiki dan mengatur masyarakat. Pemerintah juga bertugas untuk melaksanakan undang-undang, mengumpulkan zakat daripada para hartawan dan dibahagikan kepada yang berhak menerimanya, mempertahankan negara dan kehormatan atau kedaulatan rakyat, memberi keputusan terhadap permasalahan rakyat, melaksanakan hukum-hukum agama, berusaha melaksanakan keadilan sosial dan kemakmuran negara menuju kepada *baldatun tayyibatun*.

Terdapat empat syarat untuk mewujudkan pemerintah yang bukan monarki. Pertama, setengah riwayat mengatakan digalakkan mengambil imam dari suku Quraish apabila dimaksudkan dengan Khalifah atau pemerintahan negara Islam di dunia. Pada prinsipnya imam tidak semestinya dari suku Quraish tetapi boleh siapa sahaja diangkat (dibai'ah) menjadi pemimpin atau imam yang wajib ditaati. Sekiranya tidak mungkin membentuk pemerintahan bagi seluruh negeri-negeri Islam, maka tiap-tiap negara Islam perlu mengangkat imam yang terdiri dari warganegara mereka sendiri. Syarat kedua adalah bahawa imam atau pemimpin itu perlu dibai'ah atau mengangkat sumpah. Sebenarnya sumpah tidak sama dengan bai'ah kerana bai'ah adalah pengakuan kesetiaan dari seseorang (atau seluruh rakyat) kepada pemimpin yang dibai'ah itu. Semua mengangkat sumpah setia (bai'ah) kepada pemimpin, dan orang yang telah bai'ah wajib mentaati segala perintah pemimpin asal tidak dalam urusan maksiat. (Perlu diingat bahawa perintah pemimpin atau imam dalam pemerintahan Islam juga tidak sewenang-wenangnya, tetapi atas dasar musyawarah oleh Ahli *al-Halli wa al-'Aqdi*).

Syarat ketiga ialah *musyawarah*. Dalam Al-Quran, Allah berfirman bahawa: "Wa Shawirhum fi al-amr", ertiannya bermusyawarahlah kamu dengan mereka dalam segala urusan. Dan ayat: "Wa amruhum shura bainahum", yang ertiannya segala urusan mereka dipecahkan dengan bermusyawarah antara sesama mereka. Memilih pimpinan juga diperlukan dengan

musyawarah mengikut sistem yang ada pada tiap-tiap negara itu. Memang nas-nas dari Al-Quran dan al-Sunnah tidak menjelaskan bagaimana caranya *bermusyawarah*. Perkara ini dimaksudkan agar pelaksanaannya diatur menurut cara dan sistem yang ada dalam sebuah negeri atau bangsa, asal tidak melanggar ketentuan agama. Syarat keempat ialah keadilan, yakni pemerintah wajib melaksanakan keadilan, baik terhadap peribadi masing-masing yang berupa keadilan sosial, mahupun keadilan dalam hukum. Semua warganegara adalah sama dalam haknya, tidak ada perbezaan kulit dan ras dan tidak ada perbezaan layanan hukum dan keistimewaan atau kemudahan yang tersendiri bagi seseorang. Semua warganegara sama kedudukannya di hadapan hukum dan keadilan. "Bila Fatimah, anak Muhammad mencuri, pastilah kopotong tangannya", demikianlah sabda Rasulullah SAW.

Contoh-contoh keadilan hukum telah dijalankan oleh Rasulullah SAW, Khulafa' Rashidin dan para sahabat Nabi dalam sejarah Islam. Pelaksanaan hukum tidak memandang bulu, baik terhadap pemimpin, tokoh masyarakat mahupun terhadap rakyat biasa. Demikian juga dengan keadilan sosial. Pemerintah Islam zaman Nabi dan Khulafa' Rashidin benar-benar melaksanakannya dengan dasar jiwa agama Islam yang penuh kasih sayang.

Golongan Ahli *al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang mempunyai pendirian tentang asas fikirannya dalam bidang pemerintahan terdiri dari kaum ulama sarjana hukum Islam dan para ahli hadith yang kesemuanya itu mempertahankan dasar-dasar fikiran Islam dan norma-norma yang telah dirintis oleh Rasulullah SAW dan Khulafa' Rashidin, baik dalam bidang *Aqidah Islamiyah* mahupun dalam bidang hukum syariat dan dalam bidang pemerintahan.

Golongan Ahli *al-Sunnah wa al-Jama'ah* ini berjaya mempertahankan garis-garis asas dari ajaran Islam yang sesuai dengan jiwa Islam dengan dasar mengutamakan norma agama daripada petunjuk akal fikiran yang menyimpang daripada jiwa agama Islam.

## RUJUKAN

Umar Hasyim. (2015). *Siapa Ahli Sunnah Wal-Jamaah?* Batu Caves: Al-Hidayah Publications

# LENSA



Program Street Ramadan  
JAKIM Sarawak  
10 Mei 2021



Siri 2 : Tadabbur Surah An Nas (Ayat 1 hingga 6)  
left to reveal comments and reactions  
MALAYSIA TOTAL LOCKDOWN 2021

Kuliah 1 Hari 1 Ayat  
“Tadabbur Al-Quran”  
2 Jun 2021



Program Pengagihan Bakul Makanan  
Warga IKMAS Sempena Ramadan  
15 Jun 2021



Daurah Kitab Siri 2  
16-17 Jun 2021



Pertandingan Pantun Antara  
Khitobah  
24-25 Jun 2021

# LENSA



Bengkel  
Modul Adab Siri 2  
26 Jun 2021



Program Munajat Arafah  
1442H/2021M  
19 Julai 2021



MUNAJAT ARAFAH



TAKBIR RAYA AIDILADHA

Program Munajat Arafah  
1442H/2021M  
19 Julai 2021

Program  
Takbir Raya Aidiladha  
20 Julai 2021



Sesi Temuduga Pelajar  
Diploma Dakwah Islamiyyah Yang Baharu  
23-25 Julai 2021



Majlis Perhimpunan Bulanan Dan  
Sambutan Hari Kebangsaan Ke-64  
Peringkat IKMAS  
31 Ogos 2021

# Sekalung Tahniah



Sekalung tahniah diucapkan kepada **YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee** atas pelantikan sebagai **Timbalan Ketua Pengarah [Operasi] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**



Sekalung tahniah diucapkan kepada **YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail** atas pelantikan sebagai **Pengarah Kanan Bahagian Dasar Kemajuan Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**



Sekalung tahniah diucapkan kepada **YBrs. Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin** atas pelantikan sebagai **Pengarah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Perdana Menteri



Abang Zainal Abidin bin  
Abang Ariffin  
Pegawai Hal Ehwal Islam S44



Suzimawati binti Ramai-No  
Penolong Pegawai Hal Ehwal  
Islam S29



Amy bin Abu Talip  
Penolong Pegawai Hal Ehwal  
Islam S29

## Pegawai Yang Baru



**Siti Nur Hidayah binti Kusnin**  
Pegawai Hal Ehwal Islam S44  
Unit Jaminan Kualiti IKMAS  
Tempat Bertugas Dahulu:  
Ibu Pejabat Polis Kontinjen  
Selangor Polis Diraja Malaysia

## Pegawai Yang Berpindah



**Surayaty binti Asmin**  
Penolong Pegawai Tadbir N29  
Unit Kewangan IKMAS  
Berpindah Ke:  
Kolej Sains Kesihatan  
Bersekutu Kuching, Sarawak

# Jom Masuk IKMAS

## SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.
2. Bukan warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
4. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
5. Mempunyai minat belajar sedia dibimbing serta mematuhi peraturan dan arahan.
6. LULUS ujian temuduga.

## SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT

1. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
  2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
    - i. Bahasa Melayu
    - ii. Bahasa Arab
    - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah
    - iv. LULUS Bahasa Inggeris, dan
    - v. LULUS temuduga
- Atau
- vi. Kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengan SPM (Calon Luar Negara)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
جامعة إسلاميك ماشاف ساراوه

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Peti Surat 2867, Jalan Matang

93050 Kuching, Sarawak

Tel: 082 - 843 477, 475

Faks: 082 - 843 440, 439

Email: ikmas@islam.gov.my

ISSN 2785-8790



9772785 879003